

08 FEB 2003

Zainudin-PAS

PAS SERING DIPENGARUI ANASIR LUAR, KATA ZAINUDIN

KOTA BAHARU, 8 Feb (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin berkata PAS sejak penubuhannya sering dipengaruhi anasir luar dan bukti terbaru ialah laporan mengenai pemangku presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang menghadiri mesyuarat kumpulan radikal di Makassar, Sulawesi Selatan pada Oktober 2000.

Beliau berkata PAS pernah menjadi alat kepada musuh negara sewaktu selepas merdeka apabila ingin menjadikan negara sebagai sebahagian wilayah Indonesia dan ia juga terpengaruh dengan perjuangan Revolusi Islam di Iran semasa zaman Ayatollah Khomeini.

"Yang terbaru menggemparkan rakyat pula ialah berhubung pendedahan bahawa Abdul Hadi Awang pernah menghadiri mesyuarat kumpulan radikal Islam di Makassar, Sulawesi Selatan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Akhbar semalam melaporkan bahawa Abdul Hadi menghadiri mesyuarat itu yang turut disertai Pengerusi Majlis Mujahidin Indonesia (MMI), Abubakar Ba'asyir serta pemimpin Laskar Jundullah, Agus Dwikarna yang kini menjalani hukuman penjara 17 tahun kerana memiliki bahan letupan secara haram.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengulas perkara itu hari ini berkata kerajaan akan membuat siasatan terhadap laporan berkenaan.

Zainudin berkata pemimpin PAS tidak akan mengakui perbuatan parti mereka dan sebaliknya menuduh Umno dan kerajaan pusat yang mengkhianati negara.

"Mereka (PAS) sekarang kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai barua Amerika Syarikat, setelah Perdana Menteri diakui dan diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar dan Arab Saudi sebagai suara Islam...termasuk kerana mengkritik Amerika Syarikat," katanya.

Zainudin berada di Kelantan sejak semalam bagi menghadiri majlis ceramah serta Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional Kelantan dan Umno Bahagian Kota Bharu.

Dalam ucapannya, Zainudin meminta masyarakat Cina di Kelantan supaya jangan terpedaya dengan pemimpin PAS kerana parti itu tidak mempunyai pendirian tetap.

Pada pilihan raya umum akan datang PAS dan DAP akan terus menjalinkan hubungan dan kerjasama melalui Parti Keadilan Nasional, katanya.

-- BERNAMA

RAR RON